

SENARAI SEMAK PELAN KEJURUTERAAN PELAN JALAN DAN PERPARITAN

Bil	Perkara	PSP (√)
PELAN JALAN DAN PERPARITAN		
A.	<p>Syarat Am</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Semua binaan mestilah berada di dalam lot pemohon yang sah dan tidak mencerobohi lot bersebelahan. 2) Kebenaran bertulis daripada pemilik tanah sekiranya jalan melalui lot-lot persendirian 3) Reka bentuk mestilah mengambil kira keadaan asal/ sediada di tapak. 4) Mengemukakan Laporan Kiraan Hidraulik (yang disahkan oleh jurutera bertauliah) dengan mengambil kira luas kawasan tadahan bagi cadangan pembangunan pemohon dan kawasan yang bersambung atau menyumbang kepada sistem perparitan sediada bagi tujuan penentuan saiz longkang. 5) Menunjukkan cadangan penyelesaian/ pengalihan/ naiktaraf bagi parit tanah atau longkang sediada yang memasuki atau melalui tapak cadangan ini. 6) Mengemukakan Laporan TIA dan SSA (jika berkaitan) 	
B	<p>Jalan Keluar Masuk</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Dibina mengikut pelan Kebenaran Merancang yang diluluskan. 2) Pembinaan jalan yang bersambung dengan Jalan Persekutuan, Jalan Negeri dan Lebuhraya hendaklah diselaraskan dengan pelan kelulusan persimpangan jalan keluar masuk yang telah diluluskan oleh pihak JKR. 3) Membaiki/ menurap semula/ menaiktaraf jalan sedia ada. 4) Lorong percepatan dan perlambatan perlu disediakan. 5) Mengemukakan perincian pelan bagi cadangan rekabentuk persimpangan jalan. 6) Mengadakan isyarat lalulintas tertakluk kepada laporan TIA (jika berkaitan). 	

<p>C</p>	<p>Jalan dan Bahu Jalan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Cadangan jalan hendaklah diselaraskan dengan jalan sediaada supaya penyambungan jalan teratur dan diwarnakan dengan jelas. 2) Menaiktaraf dan menurap semula jalan disepanjang 100 meter kiri dan kanan dari sempadan lot pemohon serta perlu dilengkapi dengan perabut jalan, keperluan infrastruktur, komponen kejuranan hijau, komponen bandar selamat dan lampu jalan. 3) Semua kecerunan jalan tidak boleh melebihi 10%. 4) Jalan hendaklah dibina 50mm tebal pasir, 300mm tebal <i>crusher run</i> (Batu Granit) dan 100mm tebal premix (Binder & Wearing Course). 5) Lebar minima jalan berpremix (tertakluk kepada kesesuaian di tapak) :- <ol style="list-style-type: none"> a. Rizab 132 kaki – 4 lorong dengan 3.5 meter lebar setiap lorong dan 3 meter lebar lorong basikal/ laluan pejalan kaki di kedua-dua belah jalan. (Rujuk Lampiran MDKpr/ KEJ/ 01/ 100) b. Rizab 100 kaki – 4 lorong dengan 3.5 meter lebar setiap lorong dan 1.8 meter lebar lorong basikal/ laluan pejalan kaki di kedua-dua belah jalan. (Rujuk Lampiran MDKpr/ KEJ/ 02/ 100) c. Rizab 66 kaki – 4 lorong dengan 3.5 meter lebar setiap lorong dan 1.8 meter lebar lorong basikal/ laluan pejalan kaki di kedua-dua belah jalan. (Rujuk Lampiran MDKpr/ KEJ/ 03/ 100) d. Rizab 50 kaki – 24 kaki <i>carriageway</i> (minima) (Rujuk Lampiran MDKpr/ KEJ/ 04/ 100) e. Rizab 40 kaki – 22 kaki <i>carriageway</i> (minima) (Rujuk Lampiran MDKpr/ KEJ/ 05/ 100) f. Rizab 20 kaki (lorong belakang) – diturap sepenuhnya selepas binaan longkang di kedua-dua sisi. (Rujuk Lampiran MDKpr/ KEJ/ 06/ 100) 6) Bahu jalan :- <ol style="list-style-type: none"> a. Perumahan 40 kaki rizab mestilah diturap sepenuhnya dan diselaraskan dengan komponen tapak tong sampah, landskap dan opening manhole lubang. b. Jika menggunakan <i>close turfing</i> perlu dipasang <i>road kerb</i> di sisi bahu jalan. 	
<p>D</p>	<p>Parit dan Pembentung</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Menunjukkan butiran terperinci bagi aliran buangan akhir sehingga ke titik buangan akhir yang melibatkan aliran atau sungai sediaada selaras dengan pelan dari Jabatan Pengairan dan Saliran. 	

	<ol style="list-style-type: none"> 2) Melampirkan pelan <i>Google Earth</i> bagi cadangan longkang sehingga ke titik buangan akhir. 3) Menunjukkan saiz dan arah tuju pengaliran semua parit-parit sedia ada yang terlibat dengan cadangan pemajuan. 4) Menunjukkan aras-aras <i>invert</i> dalam pelan tapak dan keratan melintang (aras- aras jalan dan parit cadangan dan yang sediaada). 5) Saiz minimum bagi parit hendaklah 600mm x 600mm. 6) Pembentung yang merentasi jalan hendaklah menggunakan jenis <i>Box Culvert</i> dengan saiz minimum 0.9 meter. 7) Longkang yang melebihi kedalaman satu (1) meter hendaklah dibina dengan dinding penahan konkrit bertetulang lengkap dengan <i>r.c strut</i>. 8) Longkang yang melebihi kedalaman 1 meter hendaklah ditutup dengan <i>heavy</i> <i>duty compress concrete slab</i> atau dipasang dengan <i>railing</i> mengikut spesifikasi MDKpr. 9) Semua dinding longkang/ struktur penahan hendaklah dibina daripada konkrit bertetulang. 10) Penutup longkang untuk lubang pemeriksaan/ penyelenggaraan hendaklah dari jenis <i>heavy duty compress concrete slab</i>. 11) Bagi perparitan yang bersempadan dengan padang awam/ kawasan lapang, pemohon hendaklah mengadakan <i>concrete slab</i> lengkap sebagai laluan ke padang awam/ kawasan lapang. 12) <i>Sump</i> hendaklah disediakan di setiap persimpangan longkang di dalam sistem perparitan bagi kawasan pembangunan. 13) Pembinaan dinding pagar bagi kediaman perlu dijarakkan satu (1) kaki dari dinding longkang (untuk rizab jalan 12.19m sahaja). 14) Parit keluar utama mestilah diadakan dan dialirkan ke sungai/ parit besar yang berhampiran. 15) Outfall structure mestilah direkabentuk dan dibina menggunakan struktur konkrit bertetulang mengikut amalan kejuruteraan yang bersesuaian. 	
<p>E</p>	<p>Kolam Takungan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Rekabentuk kolam tadahan perlu menampung Q100. 2) <i>Inlet</i> dan <i>outlet</i> beserta perangkap sampah hendaklah ditunjukkan dengan jelas di dalam pelan. Penyediaan <i>Flat Gate</i> bagi titik curahan terakhir ke sungai. 3) Minima tempoh takungan adalah 2 jam. 	

	<ol style="list-style-type: none"> 4) Mengadakan Papan Tanda Nama Kolam serta Papan Tanda Amaran mengikut spesifikasi MDKpr. (Rujuk Lampiran MDKpr/ KEJ/ 08/ 100) dan (Rujuk Lampiran MDKpr/ KEJ/ 09/ 100) 5) Mengadakan perimeter Pagar Keselamatan dari jenis <i>Anti-Climb Fencing</i> dengan ketinggian minima 1.8 meter. 6) Mengemukakan keratan rentas Membujur dan Melintang mengikut kesesuaian saiz kolam. 7) Menyediakan laluan berturap bagi tujuan penyelenggaraan. 8) Pengukuhan tebing kolam takungan menggunakan kemasan jenis <i>Concrete Canvas</i>. 	
F	<p>Lain-lain perkara</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Mengemukakan rekabentuk dan pelan butiran bagi pembinaan jambatan beserta kedudukannya hendaklah ditunjukkan dalam pelan, jika berkenaan. 2) Garisan jalan hendaklah dari <i>Thermoplastic</i>. 3) Mengadakan Papan Tanda Nama Taman dan Papan Tanda Nama Jalan mengikut spesifikasi MDKpr. (Rujuk Lampiran MDKpr/ KEJ/ 07-09/ 100) 4) Mengadakan perabot jalan, Papan Tanda Isyarat Lalu Lintas, Had Laju, Had Muatan, Papan Tanda Berhenti, Papan Tanda Amaran Awas Bonggol dan sebagainya menggunakan pelekat 3M With Extended Warranty High Intensity Prismatic (HIP) Base On Alocodrand 4mm. 5) Menyediakan bonggol mengikut garis panduan MDKpr - Bilangan unit bonggol tertakluk kepada kesesuaian tapak. 6) Kawasan tanah lapang, rizab-rizab awam yang tidak dibangunkan perlu dikambus, diratakan dan dirumput semasa penyerahan kepada Majlis. 	
G	<p>Keperluan dan Syarat Tambahan (Jika Berkaitan)</p> <p>Pembinaan Bagi Kawasan Tanah Tinggi/ Lereng Bukit/ Tapak Lombong</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Pemaju projek yang berkaitan hendaklah melantik Juruperunding bertauliah bebas yang lain untuk menjalankan penilaian semula bagi mendapatkan pandangan pihak kedua (second opinion) mengenai kestabilan dan keselamatan bangunan dan tapak bagi bangunan melebihi 1 tingkat yang telah dicadangkan untuk dibina di lereng bukit atau bangunan melebihi 5 tingkat yang telah dicadangkan untuk dibina di kawasan bekas tanah lombong. 2) Di dalam membuat penilaian, pihak Juruperunding bebas hendaklah mengambilkira perkara-perkara seperti berikut : <ul style="list-style-type: none"> • Kajian tapak persekitaran dan perparitan • Kajian geoteknikal dan geologi • Rekod cerucuk dan ujian beban • Kekuatan struktur bangunan 	

	<p>3) Dalam peringkat pelaksanaan, pihak pemaju berkaitan hendaklah memastikan keperluan berikut dipatuhi :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemotongan (cutting) tanah yang minimum dan setakat mencukupi sahaja untuk kerja-kerja binaan dilaksanakan • Kerja-kerja pemotongan pokok dan tumbuh-tumbuhan di tapak berkenaan hendaklah dijalankan pada tahap yang minimum. 	
H	Surat Aku Janji bagi pematuhan syarat lazim kerja jalan dan perparitan.	
I	Borang A – Mengemukakan Pelan Untuk Jalan dan Perparitan	